

TATACARA PENDAFTARAN PEMAJU

1. Pemaju hartanah dikehendaki mendaftar dengan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dalam tempoh **30 hari** selepas surat kelulusan Kebenaran Merancang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan berkaitan.
2. Setiap permohonan kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor untuk tujuan pendaftaran pemaju perumahan perlu disertakan dengan dokumen-dokumen seperti berikut:-
 - a) Butir-butir syarikat dan projek seperti dalam borang permohonan ;
 - b) Satu salinan **Borang 24** dan **Borang 49** menurut Peraturan-Peraturan Syarikat 1966 ;
 - c) Satu salinan pelan susunatur dan pra-hitungan yang diperakukan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan ;
 - Pelan perlu menunjukkan fasa atau zon yang dibuka untuk jualan ;
 - Pelan juga perlu dikemukakan dalam bentuk digital (.dwg) ;
 - d) Satu salinan surat kelulusan pembangunan tanah daripada pejabat tanah berkaitan termasuk sebarang pindaan kelulusan (sekiranya ada) ;
 - Nyatakan tarikh surat pindaan kelulusan terkini.
 - e) Satu salinan surat kelulusan Kebenaran Merancang daripada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan berkaitan ;
 - Kemukakan salinan borang permohonan sekiranya permohonan untuk mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan dibuat secara serentak.
 - f) Satu salinan penyata anggaran aliran tunai projek yang diakui oleh akauntan bertauliah ; dan
 - g) Lain-lain dokumen yang berkaitan sekiranya perlu.
3. Bayaran proses pendaftaran pemaju bagi setiap projek hendaklah dibuat atas nama Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Semua bayaran pendaftaran hendaklah dibuat dalam bentuk bank deraf, cek atau tunai kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.
4. Apa juga peruntukan di atas, bayaran yuran adalah tertakluk kepada perubahan yang akan ditetapkan oleh LPHS dari semasa ke semasa.